

Kadir Sheikh Fadzir Letak Jawatan Dalam Umno Hari Ini
Bernama
19 Mac, 2012

KUALA LUMPUR, 19 Mac (Bernama) -- Bekas Menteri Penerangan Tan Sri Abdul Kadir Sheikh Fadzir Isnin menghantar surat peletakan jawatan sebagai anggota Umno kepada Setiausaha Agung Umno Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor.

Abdul Kadir berkata minggu lepas, beliau melepaskan jawatannya sebagai Bendahari Umno Bahagian Kulim-Bandar Baharu, Kedah, iaitu jawatan terakhirnya dalam Umno.

"Selain memegang jawatan menteri dan timbalan menteri, saya pernah menjadi anggota pentadbiran kerajaan selama 30 tahun dengan memegang jawatan sebagai Setiausaha Politik dan Setiausaha Parlimen," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Menurutnya beliau menjadi anggota Umno selama 56 tahun sejak menyertainya pada 1956 dan sepanjang tempoh itu, beliau pernah menjawat beberapa jawatan seperti Exco Pemuda, Ketua Pemuda Umno negeri Kedah, Anggota Majlis Tertinggi Umno dan pelbagai jawatan lain.

Ketika dihubungi Bernama hari ini, Abdul Kadir yang juga bekas Anggota Parlimen Kulim Bandar Baharu enggan mengulas sama ada akan menyertai mana-mana parti politik atau menubuhkan parti politik.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=653188>